

**PEMBERKATAN & PENGUTUSAN PERJALANAN SALIB**  
**OLEH YM BAPA USKUP DATUK CORNELIUS PIONG**

**Marilah kita berdoa:**

**Tuhan Yesus Kristus, dengan kayu salib Engkau telah menebus dunia dari kekuasaan kuasa kegelapan dan mengalahkan dosa.**

**Semoga dengan kayu salib yang akan berjalan di setiap paroki dalam Keuskupan Keningau menjadi sokongan kepada iman, galakkan kepada perbuatan baik, penebusan jiwa-jiwa; dan biarkanlah ia menjadi penghiburan, perlindungan dan benteng kepada kuasa kejahatan.**

**Semoga sesiapa yang melihat salib ini dapat merasakan bahawa ia tidak bersendirian dalam kehidupan imannya di negara ini.**

**Kami mohon semua ini melalui Kristus Tuhan dan pengantara kami. Amen.**

***PERUTUSAN :***

**Para perwakilan dan penyelaras perjalanan Salib di setiap paroki, terima kasih kerana kamu telah menyahut panggilan untuk bukan sahaja mengatur tetapi juga mengiringi semua umat beriman dalam ziarah Perjalanan Salib. Sebagai satu gereja, kita meneruskan persiapan kita di Keuskupan Keningau menuju kepada Malaysia Pastoral Convention 2026.**

**Perjalanan Salib adalah satu perjalanan yang intim dengan Tuhan yang telah bangkit, juga dengan diri kita dan dengan satu sama lain.**

**Melalui Sinodaliti, kita telah melihat Roh Kudus membawa banyak pembaharuan ke dalam Gereja. Kita sebagai Gereja di Keuskupan Keningau juga mesti bersedia dan terbuka kepada perubahan. Ia adalah harapan kita agar Perjalanan Salib menjadi satu peluang untuk penemuan baru.**

**Apabila kita berkumpul dan bertemu semula dalam Konvensyen Pastoral Malaysia 2026, kita akan dapat meraikan, mendengar dan berjalan bersama dalam terang kasih Tuhan.**

**Sekarang anda semua diutus untuk membawa salib ini kepada semua umat di seluruh pelusuk Keuskupan.**

# TENTATIF PROGRAM PELANCARAN PERJALANAN SALIB

25 Mei 2025

MASA	PROGRAM	Tindakan
3.30 pm	Ketibaan Bishop, Paderi, Religijs dan umat.	
3.45 pm	Persiapan / Video montaj mengenai perjalanan Salib 1. Video kata-kata dari para Uskup Malaysia 2. Official video music ‘Bangkitlah’ <i>(Video boleh di download dari Youtube @GerejaKatolikMalaysia)</i>	Komisi Belia & Komsos
4.00 pm	<b>Perarakan Salib</b> - Perarakan Salib adalah dari hadapan sakristi ke hadapan Altar diiringi dengan tarian rebana dan lagu tema perjalanan Salib “Bangkitlah”	KBK KSFX
4.15 pm	<b>Praise &amp; Worship</b>	
4.30 pm	<b>Katekesis Perjalanan Salib</b>	Komisi Belia
4.50 pm	<b>Amanat daripada Bapa Uskup</b>	Bishop
5.00 pm	<b>Upacara Pelancaran dan Pengutusan</b> - 3 perwakilan daripada setiap paroki iaitu Pengerusi KBK, Pengerusi MPP dan Paderi Paroki (jika ada) akan berdiri di hadapan Altar dan semua umat juga dijemput untuk berdiri. - Bishop akan memimpin doa yang sudah disediakan. - Bishop akan memberikan Kit Booklet Perjalanan Salib kepada setiap perwakilan paroki. - Doa kepada Santa Helena dari Salib. - Sesi bergambar bersama semua umat.	Komisi Belia  Slide Komsos
	<b>Penghormatan Salib (Veneration of the Cross).</b> - Umat boleh tunduk, memegang salib atau berdoa di hadapan salib. Selepas selesai, umat boleh duduk dan meneruskan renungan dan doa. - Lagu-lagu Taize dinyanyikan oleh koir.	KBK KSFX
6.00 pm	<b>Jamuan Makan.</b> - Makan malam bersama Bishop, para Paderi, Religijs, perwakilan dan petugas di dewan MPP.	MPP KSFX